

**Lim: Palsukan gambar, kerja keji
Malaysiakini.com
September 2, 2010**

Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng menyifatkan gambar palsu menunjukkan beliau sedang menyembelih lembu korban untuk umat Islam sebagai "satu lagi perbuatan jahat yang terdesak" yang keji oleh pihak yang mahu merosakkan imejnya.

Lim berkata gambar yang disebar secara meluas di Internet itu adalah perbuatan mereka yang ketandusan idea dan tidak bermoral. Gambar palsu yang menggunakan teknik super impose itu dipercayai didalangi oleh penulis upahan yang menggelarkan diri mereka sebagai 'PAS Beruk'.

NONEKata Lim, mereka yang terbabit itu adalah "pembongkang bersiri" yang menggunakan teknik yang dipelopori oleh menteri propaganda Jerman, Joseph Goebbels ketika era rejim Nazi, Adolf Hitler yang cuba menyediakan rakyat dari segi psikologi menghadapi peperangan dan pemusnahan tamadun manusia.

"Tetapi mereka telah melakukannya berulang-kali sehingga rakyat tidak lagi mempercayai pembongkang mereka," kata Lim kepada Malaysiakini tanpa menuduh sesiapa.

"Namun, kita tidak boleh kata bukan semua orang mempercayai pembongkang seperti itu dan propaganda berkenaan kerana ada juga yang akan mempercayainya," katanya.

Selasa lalu, Pemuda PAS Wilayah Persekutuan yang diketuai oleh pemangku ketuanya Herman Samsudeen mengelaurkan kenyataan media mengutuk perbuatan itu.

"Dewan Pemuda PAS Wilayah Persekutuan kesal kerana Umno terus memainkan instrumen fitnah bagi memburukkan imej PAS-Pakatan Rakyat, walaupun masih berada dalam bulan Ramadan," katanya.

Herman mendakwa gambar itu yang memaparkan Lim dengan tulisan: "Sanggupkah kita lihat jika jadi begini? Dalil apa lagi nak halalkan perbuatan DAP?" bertujuan melaga-lagakan pemimpin Pakatan Rakyat dan menimbulkan keresahan di kalangan umat Islam.

lim guan eng slaughters cow 310810 lim guang eng nizar jamaluddinKatanya lagi, gambar Lim yang ditampal itu pada asalnya merupakan gambar menteri besar Perak yang disingkirkan, Datuk Seri Nizar Jamaluddin.

Menyifatkan perkara itu sebagai keterlaluan dan sengaja mencetus sentimen agama, Herman berkata beliau kesal kerana budaya fitnah terus membiak dalam Umno walaupun pada bulan suci Islam.

"Gambar berkenaan sengaja direka dengan harapan rakyat melihat bahawa kerjasama PAS dan DAP kononnya merosakan Islam," katanya.

Sebelum ini, Lim yang juga setiausaha agung DAP diheret dengan kontroversi apabila didakwa mengarahkan namanya digunakan untuk menggantikan nama Yang di-Pertuan Agong dalam khutbah Jumaat.

Beliau menafikan sekeras-kerasnya dakwaan itu.

Lim yang jelas berang dengan gambar palsu itu berkata beliau kini bosan dengan fitnah dan

pembohongan yang berterusan itu.

"Bila kita lakukan perkara baik, mereka tidak boleh terima dan langsung tidak melaporkannya seperti pemberian RM1,000 kepada keluarga yang meninggal dunia ataupun bayaran RM500 kepada kaitangan awam, baru-baru ini," katanya.

Beliau berikrar akan mencari mereka yang bertanggungjawab terhadap gambar palsu berkenaan dan telah mengarahkan pegawainya supaya menyiasat dan mengenal-pasti dalang berkenaan.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/141724>